



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN KIT BAHASA SENI VISUAL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN STANDARD KANDUNGAN APRESIASI SENI MURID-MURID TINGKATAN 2

NURUL EZA BINTI MARTU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN KIT BAHASA SENI VISUAL DALAM MENINGKATKAN
PENGUASAAN STANDARD KANDUNGAN APRESIASI SENI
MURID-MURID TINGKATAN 2

NURUL EZA BINTI MARTU

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI
MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

HIMPUNAN TAWAN & DAKATAN UNIVERSITI

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...5....(hari bulan).....10..... (bulan) 20.21..

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL EZA BINTI MARTU, M20181000067, FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN KIT BAHASA SENI VISUAL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN STANDARD KANDUNGAN APRESIASI SENI MURID-MURID TINGKATAN 2

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ZAINUDDIN BIN ABINDINHAZIR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN KIT BAHASA SENI VISUAL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN STANDARD KANDUNGAN APRESIASI SENI MURID-MURID TINGKATAN 2

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

5 Oktober 2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia
DR. ZAINUDDIN ABINDINHAZIR
PENSYARAH KAJIAN
JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN & INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
AMALAN ILMU, ETIKA DAN KUALITIINSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: PEMBINAAN KIT BAHASA SENI VISUAL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN
STANDARD KANDUNGAN APRESIASI SENI MURID-MURID TINGKATAN 2

No. Matrik / Matric's No.: M20181000087

Saya / I: NURUL EZA BINTI MARTU

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 5 Oktober 2021


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)
DR. ZAINUDDIN ABUNDINHAZIR
PENSYARAH KAJIAN
JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN & INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama Dr. Zainuddin bin Abindinhazir dan penyelia kedua Dr. Muhamad Firdaus bin Ramli di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan dan tidak berbelah bahagi. Tanpa bimbingan daripada mereka, tidak mungkin kajian ini dapat dihasilkan. Ucapan terima kasih juga kepada Penyelaras Program Pesisir dan Ketua Jabatan iaitu Dr. Harleny binti Abd Arif dan Dr. Abdul Aziz bin Zalay @ Zali serta pensyarah-pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan pandangan dan tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan penulisan kajian ini. Segala bimbingan dan nasihat kalian amat-amat dihargai. Tidak dilupakan juga kepada kaum keluarga yang disayangi iaitu bonda tercinta Pn. Salmah binti Ahmad dan adinda Ahmad Faizal bin Martu serta insan teristimewa yang memberikan dorongan untuk terus berusaha tanpa putus asa. Buat rakan-rakan seperjuangan dalam program pesisir iaitu Sumiyah, Yusniza dan Faizura Nur yang tidak putus-putus memberi semangat untuk meneruskan perjuangan ini sehingga ke titisan keringat yang terakhir. Akhir sekali jutaan terima kasih kepada Mantan Pengetua SMK Maran Tuan Haji Zamri bin Haji Zakaria dan Pengetua SMK Maran Puan Hazora binti Ismail kerana telah memberikan kerjasama yang baik dan membenarkan saya membuat kajian di sekolah ini. Terima kasih juga kepada teman-teman yang sudi berkongsi pandangan, cadangan, nasihat dan memberikan sokongan moral sepanjang kajian ini dilakukan sehinggalah berjaya disiapkan.

Semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan dan manfaat yang berguna kepada kita semua. In Shaa Allah.

Sekian.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membantu murid-murid menguasai Bahasa Seni Visual sepertimana ketetapan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang berpaksikan Pendidikan Abad Ke-21. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti keperluan penggunaan bahan bantu belajar yang efektif, membangunkan kit BSV sebagai bahan bantu belajar dan mengenalpasti keberkesanan penggunaan kit BSV sebagai bahan bantu belajar dalam meningkatkan tahap penguasaan murid-murid tingkatan 2. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes ke atas murid tingkatan dua di SMK Maran berbeza aliran, iaitu sebuah kelas aliran agama dan tiga buah kelas aliran biasa yang terletak di luar bandar. Lima sampel telah dipilih daripada setiap kelas berdasarkan pencapaian PBD tertinggi di dalam kelas masing-masing. Dua orang guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual tingkatan dua dan mantan pengetua sebagai responden. Pemerhatian dan temu bual menjadi kaedah utama pengumpulan data kajian. Kaedah pemerhatian dilakukan sebelum dan selepas penggunaan Kit BSV. Temu bual berstruktur dijalankan ke atas 20 orang murid yang dipilih bagi mendapatkan maklum balas selepas penggunaan Kit BSV. Temu bual separa berstruktur juga dilakukan ke atas dua orang guru bukan opsyen yang mengajar PSV dan mantan pengetua. Analisis data dilakukan dalam bentuk transkripsi dan dibuat pengekodan dalam mengikut tema. Tafsiran data dilakukan bagi memahami data yang diperolehi dan dilakukan berulang kali. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Kit BSV dapat membantu murid-murid tampil yakin berkomunikasi menggunakan Bahasa Seni Visual semasa sesi Apresiasi Seni di bilik darjah. Murid-murid tahu menggunakan laras Bahasa Seni Visual dengan betul dalam penyampaian. Dapatan kajian turut memperolehi maklum balas positif daripada guru-guru bukan opsyen yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Penggunaan kit BSV mampu mengubah corak PdPc dalam bilik darjah dan dapat menghasilkan murid yang berkualiti dalam penguasaan laras bahasa seni visual selari dengan standard kandungan apresiasi seni.





DEVELOPMENT OF *BAHASA SENI VISUAL* KIT IN IMPROVING THE MASTERY OF CONTENT STANDARD FOR ART APPRECIATION SESSION AMONG FORM 2

ABSTRACT

This study aims to help students to master the Visual Arts Language as stipulated for the implementation of the Secondary School Standard Curriculum (KSSM) which is centered on 21st Century Learning. This study was conducted to identify the need for effective use of learning aids, develop BSV kits as learning aids and identify the effectiveness of the use of BSV kits as learning aids in improving the level of mastery of Form 2 students. The case of form two students at SMK Maran is of different streams, namely one religious stream class and three regular stream classes located in rural areas. Five samples were selected from each class based on the highest PBD achievement in their respective classes. Two form two non -option Visual Arts Education teachers and a former principal as respondents. Observations and interviews became the main methods of data collection of the study. Observation methods were performed before and after the use of the BSV Kit. Structured interviews were conducted on 20 selected students to obtain feedback after the use of the BSV Kit. Semi -structured interviews were also conducted on two non -option teachers who teach PSV and a former principal. Data analysis was done in the form of transcription and coding was done according to the theme. Data interpretation is done to understand the data obtained and done repeatedly. Findings show that the use of the BSV Kit can help students to increases their confident to communicate using Visual Arts Language during the Art Appreciation session in the classroom. Pupils know how to use the Visual Arts Language barrel correctly in presentation. The findings of the study also obtained positive feedback from non-option teachers who teach Visual Arts Education. The use of BSV kits can change the pattern of learning in the classroom and can produce quality students in adjustable mastery of visual art language in line with the content standards of art appreciation.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI GAMBAR	xix
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16



1.6	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Batasan Kajian	20
1.9	Definisi Operasional	21
1.9.1.	Bahasa Seni Visual	21
1.9.2.	Apresiasi Seni	22
1.9.3.	Kit Bahasa Seni Visual (BSV)	23
1.9.4.	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	24
1.9.5.	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	24
1.9.6.	Bahan Bantu Belajar (BBB)	25
1.9.7.	Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21)	26
1.10	Rumusan	27

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Pendidikan Seni Visual Menengah Rendah	33
2.2.1.	Matlamat Pendidikan Seni Visual	38
2.2.2.	Objektif KSSM Pendidikan Seni Visual	39
2.3	Isu-Isu Dalam Bahasa Seni Visual	40

2.4	Rasional Penggunaan Kit BSV dalam Pembelajaran	
	Abad Ke-21 (PAK21)	47
2.5	Teori Pelbagai Kecerdasan Howard Gardner	
	Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
2.6	Apresiasi Seni	52
2.7	Kit Bahasa Seni Visual	54
2.8	Rumusan	55

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	57
3.2	Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE	58
3.3	Reka Bentuk Kajian	59
3.4	Lokasi Kajian	62
3.5	Populasi dan Persampelan Kajian	62
3.5.1	Populasi	63
3.5.2	Persampelan Kajian	63
3.6	Instrumen Kajian	64
3.6.1	Kit BSV	66
3.6.2	Set Rancangan Pelajaran Harian (RPH)	66

3.6.3	Borang Pemerhatian	67
3.6.4	Temu bual	68
3.6.5	Rakaman Visual	71
3.7	Etika Penyelidikan	73
3.8	Kajian Rintis	74
3.9	Prosedur Kajian	76
3.9.1	Peringkat Persediaan	78
3.9.2	Peringkat Pertengahan	78
3.9.3	Peringkat Pengakhiran	79
3.10	Analisis Data	80
3.11	Rumusan	82

BAB 4 PEMBINAAN KIT BAHASA SENI VISUAL (BSV)

4.1	Pengenalan	84
4.2	Model ADDIE Dalam Pembinaan Kit BSV	86
4.2.1	Fasa Analisis (Analysis)	87
4.2.2	Fasa Reka Bentuk (Design)	88
4.2.3	Fasa Pembangunan (Development)	90
4.2.4	Fasa Perlaksanaan (Implementation)	91

4.2.5	Fasa Penilaian (Evaluation)	93
4.3	Ciri-Ciri Kit BSV	93
4.3.1	Tipografi	94
4.3.2	Warna	95
4.3.3	Imej dan Ilustrasi	96
4.4	Rupa Dan Bentuk Kit BSV	97
4.5	Penggunaan Kit BSV	100
4.6	Rumusan	103

 BAB 5
05-4506832 **DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	106
5.2	Analisis Demografi Responden	106
5.2.1	Analisis Murid	106
5.2.2	Analisis Guru	107
5.3	Analisis Persoalan Kajian Pertama:	
	Adakah penggunaan bahan bantu belajar yang efektif dapat meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan apresiasi seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran?	107
5.3.1	Dapatan Kajian Analisis Murid	108

5.3.2	Dapatan Kajian Guru Pakar Pendidikan	115
5.4	Analisis Persoalan Kajian Kedua:	
	Bagaimanakah Kit BSV dibangunkan sebagai bahan bantu belajar (BBB) bagi meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan apresiasi seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran?	121
5.4.1	Dapatan Kajian Analisis Murid	122
5.4.2	Dapatan Kajian Analisis Guru	125
5.4.3	Dapatan Kajian Guru Pakar Pendidikan	131
5.5	Analisis Persoalan Kajian Ketiga:	
	Bagaimanakah tahap keberkesanan penggunaan Kit BSV sebagai bahan bantu belajar (BBB) dalam Meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan Apresiasi seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran?	133
5.5.1	Dapatan Kajian Analisis Murid	134
5.5.2	Dapatan Kajian Analisis Guru	136
5.5.3	Dapatan Kajian Guru Pakar Pendidikan	138
5.6	Rumusan	143

BAB 6 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	144
6.2	Perbincangan	144
6.2.1	Keperluan Penggunaan Kit BSV Yang Efektif Bagi Meningkatkan Tahap Penguasaan Standard Kandungan Apresiasi Seni	145
6.2.2	Kit BSV Dalam Apresiasi Seni Bagi Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Pendidikan Seni Visual	146
6.2.3	Kelebihan Penggunaan Kit BSV Dalam Apresiasi Seni Semasa PdPc Pendidikan Seni Visual	147
6.3	Implikasi Dapatan Kajian	148
6.3.1	Pendidikan	148
6.3.2	Masyarakat	150
6.4	Rumusan Dari Kesimpulan	151
6.5	Cadangan Lanjutan Kajian	153



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

RUJUKAN

157

LAMPIRAN

165



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI JADUAL****No Jadual****Muka Surat**

Jadual 3.4.2

Jadual menunjukkan populasi, persampelan
bukan kebarangkalian dan kaedah yang
digunakan dalam menentukan sampel kajian
yang dipilih

64

Jadual 3.5.3

Jadual pemerhatian terhadap sampel sepanjang
pengajaran sebelum menggunakan Kit BSV

68

Jadual 3.5.4

Transkrip soalan temu bual kepada 20 orang murid
yang dipilih sebagai sampel

69

Jadual 5.2.1

Bilangan murid mengikut aliran, kelas dan jantina

106

Jadual 5.2.2

Bilangan guru mengikut jantina dan opsyen serta
bukan opsyen

107

Jadual 5.4.1

Jadual menunjukkan analisis soalan temu bual
terhadap sampel bagi mendapatkan jawapan



dalam menjawab persoalan kajian kedua.

122

Jadual 5.5

Jadual menunjukkan dapatan kajian murid, guru
dan guru pakar dalam menjawab persoalan ketiga.

142

**SENARAI RAJAH****No Rajah****Muka Surat**

Rajah 1.6	Kerangka Konseptual Kajian	19
Rajah 3.2	Model ADDIE	58
Rajah 3.3	Reka Bentuk Kajian Kes	61
Rajah 3.5	Etika dalam Penyelidikan	74
Rajah 3.9	Proses dan prosedur kajian	77
Rajah 3.10	Proses analisis data kualitatif	81
Rajah 4.2	Proses mereka bentuk Kit BSV berdasarkan Model ADDIE	87
Rajah 4.2.1	Pembahagian ruang dalam Kit BSV	88
Rajah 4.2.2	Pemilihan dan penetapan warna dalam Kit BSV	89
Rajah 4.2.3.1	Pandangan hadapan Kit BSV	90
Rajah 4.2.3.2	Pandangan belakang Kit BSV	91
Rajah 4.2.4.1	Pandangan hadapan Kit BSV selepas ditambah baik	92
Rajah 4.2.4.2	Pandangan belakang Kit BSV selepas ditambah baik	92
Rajah 4.3.1	Jenis tipografi dan saiz huruf	95





Rajah 4.3.2

Kategori warna yang bersesuaian dengan latar

Belakang Kit BSV

96

Rajah 4.3.3

Sebahagian imej dan ilustrasi yang terdapat dalam

Kit BSV

97

Rajah 5.3.1

Rajah menunjukkan hasil pemerhatian kepada

bilangan sampel terhadap kesan sebelum dan

selepas daripada penggunaan kit BSV kepada

20 sampel.

113





SENARAI GAMBAR

No. ~~Gambar~~ **Rajah**

Muka Surat

Gambar 3.5.5.1	Gambar menunjukkan sesi perbincangan berlangsung di dalam kumpulan	72
Gambar 3.5.5.2	Gambar fizikal kit BSV	72
Gambar 3.7	Kajian rintis yang dijalankan kepada kalangan bukan sampel kajian	76
Gambar 4.4.1	Kit BSV pandangan tertutup	98
Gambar 4.4.2	Kit BSV pandangan terbuka	98
Gambar 4.4.3	Kit BSV pandangan sisi	99
Gambar 4.4.4	Alatan yang digunakan pada Kit BSV	99
Gambar 4.5.1	Perbincangan dalam kumpulan dengan menggunakan Kit BSV	101
Gambar 4.5.2	Sesi Apresiasi Seni dengan menggunakan Kit BSV	101





Gambar 4.5.3	Apresiasi Seni dengan menggunakan kit BSV	102
Gambar 4.5.4	Gambar menunjukkan sesi Apresiasi Seni di bilik darjah	103
Gambar 5.3.1.1	Gambar menunjukkan nota ringkas pandangan hadapan Kit BSV dengan ciri istimewa pada kit tersebut	114
Gambar 5.3.1.2	Gambar menunjukkan tapak kosong untuk catatan nota ringkas di bahagian belakang Kit BSV	114



**SENARAI SINGKATAN**

ADDIE *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (perkembangan),
Implementation (pelaksanaan), dan *Evaluation* (penilaian)

BBB Bahan Bantu Belajar

BPK Bahagian Pembangunan Kurikulum

BPPDP Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

DSKP Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

KBAT Kemahiran Berfikir Aras Tinggi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kit BSV Kit Bahasa Seni Visual

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KBSM Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KSSM Kurikulum Standard Sekolah Menengah

LPM Lembaga Peperiksaan Malaysia

NGO Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-governmental organization*)

RPH Rancangan Pelajaran Harian

PADU Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan





PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPA	Pengetahuan Pedagogi Am
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSV	Pendidikan Seni Visual
STEAM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan Matematik
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
TKP	Teori Kecergasan Pelbagai



**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A	Borang Pemerhatian
Lampiran B	Borang Temu Bual Berstruktur
Lampiran C	Borang Temu Bual Separa Berstruktur
Lampiran D	Surat Kebenaran Ibu Bapa/ Penjaga Menjalankan Kajian Penyelidikan
Lampiran E	Surat Maklum Balas Ibu Bapa / Penjaga Menjalankan Kajian Penyelidikan
Lampiran F	RPH Minggu 31 Kelas 2KAA
Lampiran G	RPH Minggu 32 Kelas 2KAA
Lampiran H	RPH Minggu 31 Kelas 2K1
Lampiran I	RPH Minggu 32 Kelas 2K1
Lampiran J	RPH Minggu 31 Kelas 2K2
Lampiran K	RPH Minggu 32 Kelas 2K2
Lampiran L	RPH Minggu 31 Kelas 2K3
Lampiran M	RPH Minggu 32 Kelas 2K3
Lampiran N	Manual Penggunaan Kit BSV





Lampiran O

Transkrip Temubual Bersama Mantan Pengetua SMK Maran

Lampiran P

Transkrip Temubual Separa Berstruktur Bersama 2 Orang

Responden





BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan



Pembelajaran pendidikan seni secara umumnya adalah untuk membina keupayaan bagi menghargai dan menghayati apa yang dilihat oleh mata. Bermula daripada mata maka terhasillah luahan seni yang diluahkan melalui penghasilan karya dan pengucapan lisan. Literasi visual ini juga meliputi keupayaan menggunakan bahasa visual bagi membaca dan menghargai imej-imej visual. Umumnya, literasi difahami sebagai celik huruf atau kenal huruf biasanya memaksudkan keupayaan membaca dan menulis, atau keupayaan menggunakan bahasa untuk membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Keupayaan membaca, membuat interpretasi dan membuat justifikasi secara kritikal, ini termasuklah keupayaan melukis makna melalui pelbagai media seni (Shamsul Nazri, 2010). Kecenderungan dalam melahirkan pemikiran seni visual perlu dipupuk dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia. Seawal usia kanak-kanak lagi mereka telah didedahkan dengan suasana keliling yang membentuk peribadi yang tersendiri. Antaranya bertanggungjawab, menghargai, menghormati, mengambil berat dan





sebagainya. Tingkah laku terlatih yang terbentuk ini menjadikan mereka lebih positif dalam mengharungi kehidupan. Ini ditambah dengan peluang pendidikan diperingkat sekolah yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan penerapan nilai-nilai menghargai alam sekeliling yang dluahkan melalui penghasilan karya atau penghasilan produk.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pendidikan bersifat formal untuk mendidik murid ke arah mencapai kecemerlangan bagi memenuhi peluang dan ruang kepada murid untuk memilih bidang dan minat yang diperlukan dalam pasaran. Salah satu impak transformasi pendidikan adalah murid akan mempunyai pembelajaran yang kaya dari segi akademik dan bukan akademik supaya mereka boleh berjaya dalam kehidupan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Perkembangan Pendidikan murid ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang mahukan murid mempunyai kemahiran khusus dan boleh menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global di masa hadapan. Aspek-aspek pembentukkan kemenjadian murid menjadi keutamaan kementerian sejak sekian lama. Keberhasilan murid adalah berpandukan objektif dasar Pendidikan Kebangsaan bermula dengan Penyata Razak 1956, diikuti dengan Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Terkini adalah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang mana analisis ini berdasarkan data kebangsaan dan penanda aras antarabangsa yang diperoleh tentang keberhasilan murid Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Bagi mencapai aspirasi setiap murid, kementerian telah menerapkan enam ciri iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Enam aspirasi murid ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ciri-ciri ini turut memberi penekanan kepada usaha bagi membolehkan semua murid memberikan





sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Bagi mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah wujud hasil daripada semakan semula Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Berdasarkan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008 bertarikh 23 Mei 2008 memutuskan keperluan untuk merombak sistem pendidikan negara dan selari dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.2/2010 pada 26 Oktober 2010 telah meluluskan konsep kurikulum baharu sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Pelaksanaan KSSM ini dilakukan secara berperingkat-peringkat dimulai dengan tingkatan satu. KSSM terhasil ekoran daripada semakan semula kurikulum terdahulu dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

KSSM digubal dalam bentuk pernyataan standard bagi membolehkan semua murid memperoleh Pendidikan yang sama dan berkualiti. Pernyataan standard ini terdiri daripada Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah menggantikan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang pernah digunakan dalam KBSM. Mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 2 Pendidikan Seni Visual KSSM,





2016 matlamat kurikulum Pendidikan Seni Visual peringkat sekolah menengah adalah untuk membina potensi murid ke arah melahirkan insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran seni visual serta menghayati nilai estetik bagi menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat dan ekonomi Negara. Pada masa yang sama kurikulum di peringkat menengah rendah memberi penekanan kepada pendidikan umum, peningkatan kemahiran yang diperoleh semasa di sekolah rendah, perkembangan bakat dan minat, asas pravokasional, perkembangan sahsiah, sikap dan nilai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Kefahaman terhadap Bahasa Seni Visual (BSV) haruslah dimantapkan dengan menerapkan enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dirangka dan dilancarkan pada 6 September 2013. Pelan ini menfokuskan aspirasi agar setiap murid memiliki enam ciri iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional yang mana sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ciri-ciri ini sangat penting dalam memastikan kemenjadian murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21, selain membolehkan mereka memberi sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

1.2. Latar Belakang Kajian



Pendidikan merupakan agenda utama negara yang mana menjadi alat untuk membentuk sahsiah murid yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan mengikut keperluan negara. Pendidikan didefinisikan sebagai sebuah proses pembelajaran dengan kaedah-kaedah tertentu sehingga orang memperoleh pengetahuan, pemahaman dan cara bertingkah laku yang sesuai dengan keperluan (Muhibbin Syah, 2015). Bagi memastikan sistem pendidikan negara sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan, pelbagai aktiviti atau program sama ada baharu, semakan semula atau penambahbaikan dilaksanakan (Hamidah Yusuf, Jamal Yunus dan Khalip Musa, 2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memastikan segala rancangan yang diatur secara berperingkat-peringkat mampu menghasilkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan pembangunan negara. Hal ini disokong dengan pelaksanaan KSSM pada tahun 2017 mengambil kira hasrat PPPM 2013-2025 yang melakarkan aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Sejajar dengan itu, pelaksanaan KSSM mampu membentuk sahsiah murid dalam mendepani cabaran masa depan.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016, mensasarkan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) secara berperingkat-peringkat di semua sekolah menengah termasuk pendidikan khas bermula dengan murid Tingkatan 1 dan berkuatkuasa pada hari pertama sesi persekolahan tahun 2017. Pekeliling ini merupakan kurikulum Kebangsaan yang digunakan oleh semua sekolah menengah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 18 dibawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaan KSSM menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) adalah dokumen yang menggantikan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dokumen ini mencakupi empat komponen utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Cadangan Aktiviti dan Tahap Penguasaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Standard kandungan ialah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard pembelajaran ialah suatu ketetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Manakala Standard prestasi ialah suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid. Cadangan aktiviti adalah sebagai alternatif yang boleh diubah suai oleh guru dalam menjalankan aktiviti disamping penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Tahap penguasaan adalah kesinambungan daripada pelaksanaan aktiviti yang dapat menguji peningkatan keupayaan murid dalam sesi pembelajaran.

Terdapat 4 standard kandungan dalam organisasi kandungan KSSM PSV Tingkatan 2, 2016 iaitu persepsi seni, eksplorasi seni, ekspresi seni dan apresiasi seni. Keempat-empat Standard Kandungan ini amat penting kepada murid untuk menilai sejauh mana murid mengetahui dan melakukan sesuatu yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Berdasarkan KSSM DSKP PSV Tingkatan 2, 2016 penyelidik memfokuskan Standard Kandungan 4 iaitu Apresiasi Seni. Apresiasi seni dilakukan berdasarkan atas pemikiran murid-murid yang sedia untuk dikembangkan pengetahuan dan pengalaman yang dilaluinya. Murid-murid diajar untuk tampil yakin dalam berhujah

disamping melihat kematangan mereka mengeluarkan pendapat berdasarkan pengucapan bahasa seni visual.

Pendidikan seni di sekolah bukanlah sekadar untuk melahirkan generasi yang bakal menggantikan seniman pada masa sekarang malah Pendidikan seni bertujuan untuk mencungkil bakat murid untuk terus berkarya dan menanam kepekaan murid menghayati keindahan seni tersebut (Moh. Randhi, 2017). Apresiasi seni ialah penghayatan terhadap hasil karya seni visual dengan membuat apresiasi berpanduan Bahasa Seni Visual (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Bagi mencapai objektif yang dirancang, murid hendaklah diberi pengukuhan pemahaman terutamanya dalam bidang bahasa Seni Visual dalam apresiasi seni. Dalam merencanakan matlamat ini, aktiviti berkisarkan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) perlu dilaksanakan di bilik darjah. Guru memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan teknik PAK21. *Southeast Asian Teachers Competencies for the 21st Century* (dalam Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2019) telah menyenaraikan kompetensi guru dalam Pendidikan Abad Ke-21 yang merangkumi:

- i. Memudahkan cara perkembangan kehidupan murid dan kemahiran kerjaya.
- ii. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif
- iii. Memudahkan cara pembelajaran
- iv. Menyediakan rancangan pengajaran yang bersesuaian dengan visi dan misi sekolah
- v. Memperkembangkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
- vi. Membangunkan dan menggunakan resos pengajaran dan pembelajaran
- vii. Meningkatkan etika
- viii. Mentaksir dan menilai pencapaian murid



- ix. Membina hubungan dengan pemegang polisi pendidikan.

Gaya PdPc abad ke-21 kini, guru bukan sahaja perlu menguasai ilmu tetapi menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid (Mashira, Rusyati, Nor Sazila, Rohana & Khairul Anuar, 2019). Menurut Saemah Rahman (2010) guru boleh bertindak membentuk satu aktiviti perbincangan kumpulan kecil dalam kumpulan besar seperti *Round Table*, *Think Pair Share*, *Three-Step Interview*, *Gallery Walk*, *Fan N Pick*, *Role Play*, *Simulation*, dan banyak lagi aktiviti yang bersesuaian dengan Pendidikan Seni Visual (Nurul 'Ain Saffar Ullah, Md Nasir Ibrahim & Abd Manaf Bejau, 2019). Bertepatan dengan isu PAK-21, guru perlu bertindak sebagai pemudahcara dalam menangani murid-murid yang bermasalah terutamanya dalam isu yang dikaji ini.



Permasalahan berkaitan isu menguasai bahasa seni visual ini, murid perlulah mengetahui konsep bahawa dalam bidang bahasa seni visual terdapat dua elemen yang perlu dipecahkan iaitu unsur seni dan prinsip rekaan. Apakah elemen yang terdapat dalam unsur seni dan prinsip rekaan? Unsur seni terdiri daripada garisan, jalinan, rupa, bentuk, warna dan ruang. Manakala prinsip rekaan terdiri daripada penegasan,imbangan, kontra, harmoni, irama dan pergerakan, kesatuan dan kepelbagaian. Justeru, aktiviti penerokaan terhadap unsur seni dan prinsip rekaan pada alam semula jadi, objek buatan manusia dan karya seni melalui eksperimentasi media dan teknik menjadi fokus utama bagi menguji tahap kefahaman murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Secara tidak langsung, murid mampu untuk mengucapkan bahasa seni visual dalam sesi apresiasi seni di dalam bilik darjah.





Berdasarkan kajian yang akan dijalankan, penyelidik cuba merungkaikan punca yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai bahasa seni visual. Faktor ini boleh dibahagikan kepada 3 situasi iaitu murid, guru dan persekitaran. Antara faktor yang dikenalpasti adalah sikap murid yang agak pasif ketika di dalam bilik darjah. Mereka lebih cenderung ke arah bersendirian atau berada dalam lingkungan murid-murid yang pasif. Terdapat dikalangan murid-murid ini yang tidak menguasai 3M iaitu menulis, membaca dan memahami. Ini adalah faktor yang telah dikenalpasti dalam kalangan murid-murid. Faktor seterusnya adalah melibatkan guru bukan opsyen. Guru bukan opsyen biasanya dipertanggungjawabkan memikul tugas mengajar subjek yang bukan berasaskan peperiksaan. Guru-guru ini hanya berpandukan bimbingan daripada guru opsyen dan juga bahan ransangan yang dapat memandu mereka untuk terus mengajar di dalam kelas dan PBD. Faktor berikutnya adalah melibatkan persekitaran. Persekitaran ini melibatkan dua tempat iaitu di sekolah dan juga di rumah. Kedua-dua tempat ini adalah berkemungkinan disebabkan kekangan mendapatkan kemudahan mengakses internet. Situasi seperti ini melibatkan penempatan yang berada diluar bandar dan juga pedalaman. Keadaan seperti ini menyukarkan guru dan murid untuk mengakses maklumat.

Berdasarkan pertimbangan dari situasi tersebut di atas, kajian pembinaan Kit BSV (Bahasa Seni Visual) yang terancang dapat dijadikan alternatif dalam membantu murid-murid untuk lebih berani, yakin dan mudah untuk mengaplikasikannya semasa PdPc mahupun di luar kelas. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat terhasil dengan adanya bahan bantu belajar. Hal ini disokong dengan terbitnya buku Toolkit PdPc KBAT yang merupakan salah satu usaha KPM untuk membantu guru memperoleh sumber dari toolkit dalam meningkatkan kreativiti mereka apabila membuat perancangan pengalaman pembelajaran murid supaya menjadi lebih menarik, bermakna serta



mencabar pemikiran dan potensi mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Murid-murid akan lebih terkesan hasil daripada pembelajaran yang berpusatkan murid dan guru pula sebagai pemudahcara dalam membimbing murid-murid dalam sesuatu perkara. Guru juga sebagai pemberi semangat kepada murid-murid yang agak pasif. Komitmen guru yang berterusan mampu menghasilkan murid kreatif, inovatif dan berkeyakinan tinggi. Secara tidak langsung pendekatan secara terus dengan murid dapat mengeratkan silaturahim guru dan murid. Bagi guru yang bukan opsyen, hal ini amat membantu mereka dalam menyampaikan pengajaran disamping guru terus belajar menggunakan kit BSV dalam meningkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran. Menurut Norazlin & Siti Rahaimah (2019), pendekatan pengajaran yang berkesan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan. Pada peringkat ini guru berperanan sebagai pembimbing, pemudahcara dan penggerak dalam meningkatkan motivasi murid-murid untuk lebih berusaha sendiri dengan lebih tekun dan gigih (Abd. Rahman Daud, 2006). Kit BSV mampu meminimalkan corak pengajaran dan pembelajaran walaupun tiada jaringan internet. Tanpa akses internet, guru dan murid masih lagi boleh menjalankan aktiviti PdPC berteraskan PAK21.

Berdasarkan kajian ini, penyelidik telah menggunakan Teori Pelbagai Kecerdasan Howard Gardner dalam pengajaran dan pembelajaran. Teori ini menyenaraikan 9 kecerdasan tetapi penyelidik telah mengambil 2 daripada 9 teori yang terdapat didalamnya sebagai landasan kajian. Teori tersebut adalah Teori Kecerdasan Visual Spatial dan Teori Kecerdasan Linguistik. Teori Kecerdasan Visual Spatial melibatkan dengan sikap dan personaliti murid mentafsir karya ketika PdP di dalam bilik darjah manakala Teori Kecerdasan Linguistik melibatkan kepetahan dan kelancaran murid

menuturkan bahasa seni visual dalam apresiasi seni. Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE sebagai panduan dalam kajian ini. Model ADDIE melibatkan 5 fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian. Fasa-fasa ini melibatkan pembinaan kit BSV untuk manfaat kepada murid-murid dalam membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa seni visual. Penyelidik telah menggunakan kaedah kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Dalam kajian kes ini, penyelidik menggunakan medium seperti temu bual, pemerhatian dan arkib untuk mendapatkan data. Populasi adalah terdiri daripada murid-murid tingkatan 2 SMK Maran dan persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Sampel adalah terdiri daripada 5 orang murid daripada setiap 4 buah kelas yang berbeza aliran. Rasional 5 orang murid dipilih sebagai sampel berdasarkan keputusan PBD terbaik dalam kelas masing-masing. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah set RPH bagi setiap kelas, borang pemerhatian, borang temu bual, rakaman visual dan surat-surat kebenaran yang berkaitan. Analisis data dilakukan melalui kaedah kualitatif dengan menguji sampel yang dipilih daripada setiap kelas. Hasil dapatan kajian akan menunjukkan keputusan positif atau sebaliknya.

1.3. Penyataan Masalah

Perubahan Pendidikan Seni Visual KBSM kepada KSSM memberikan cabaran yang besar kepada murid-murid dari segi teknik pengajaran dan pemudahcaraan. Proses pengajaran dan pembelajaran lebih berpusatkan kepada murid-murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Berdasarkan laporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), murid-murid agak lemah menguasai bahasa seni visual dalam Pendidikan Seni Visual.



Pemerhatian awal penyelidik turut mendapati murid-murid kurang lancar menggunakan bahasa seni visual ketika sesi apresiasi.

Wawancara khas bersama Datuk Dr. Amin Senin (2018) menyarankan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) menilai semula garis panduan pelaksanaan PBD dan pada masa yang sama Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), LPM dan BPK membincangkan kaedah menghasilkan penilaian akhir PBD untuk setiap murid. Berdasarkan cadangan Rosli Ilyas (disebut dalam Siti Hayati & Lee Hoi Yeh, 2018) mekanisme penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Menurut Norhana Bakhary (2019), pelaksanaan ini membolehkan murid dinilai secara berterusan dalam pelbagai bentuk pentaksiran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (Pendidik, 2019 Januari).

Bahan Bantu Belajar (BBB) merupakan perkara penting dalam Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). BBB dapat membantu murid-murid dalam PdP di bilik darjah selain penggunaan buku teks sebagai pegangan asas dalam mempelajari silibus yang terdapat dalam buku tersebut. Dalam hal ini, murid-murid kurang dibekalkan dengan sesuatu bahan bantu belajar yang mampu membantu mereka mengingat dan menggunakan bahasa seni visual dengan betul sewaktu sesi apresiasi. Permasalahan timbul apabila penggunaan bahan bantu belajar dan cara pembelajaran yang sesuai kurang diaplikasikan oleh murid dalam aktiviti pembelajaran. Keadaan ini menyukarkan proses tahap penguasaan murid untuk mempelajari bahasa seni visual. Faktor-faktor lain adalah



kurangnya pengetahuan dan kesedaran murid sendiri dalam pemilihan bahan pembelajaran yang sesuai (Lili Sunaini, 2006).

Sophy Bernard (2013) yang menyatakan kemudahan peralatan yang tidak mencukupi untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kerana kekurangan peruntukan. Ekoran kekurangan bahan bantu belajar, KPM mengambil inisiatif menerbitkan buku toolkit PdP KBAT bagi membantu guru-guru mengakses informasi melibatkan pelbagai mata pelajaran. Guru memperoleh pelbagai sumber dari toolkit ini yang dapat meningkatkan kreativiti mereka apabila membuat perancangan pengajaran supaya menjadi lebih menarik, bermakna serta mencabar pemikiran dan potensi murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Menyedari keperluan tersebut, penyelidikan ini adalah usaha mengkaji dan membina kit BSV yang sistematik bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai bahan bantu belajar ketika PdPc di bilik darjah.

Mengulas daripada hasil temubual kajian beliau, Sazlina Nor Azmi (2016) menyatakan situasi lebih serius apabila guru yang mengajar pendidikan seni visual adalah guru bukan opsyen. Kekurangan pengalaman guru bukan opsyen mengajar pendidikan seni visual juga merupakan kekangan yang menjadikan mereka sukar mengajar di dalam bilik darjah. Menurut Aini Hassan (2013), kebanyakan pengajaran adalah dalam bentuk sehalu serta hanya mengikut rasa guru tersebut sahaja dan kebiasaanya guru akan memberikan tajuk tertentu dan meminta murid melukis menurut tajuk yang diberikan pada hari tersebut. Alasan yang diberikan adalah mereka tidak pandai melukis ketika mengajar. Kurangnya penguasaan pengetahuan pedagogi am (PPA) seperti pengurusan bilik darjah, kawalan kelas, interaksi dan komunikasi, strategi am pengajaran serta aspek



penilaian dan refleksi pengajaran memberi kesan negatif terhadap PdPc dalam bilik darjah (Roslina, Nik Mohd Rahimi & Hamdzun, 2019).

Guru-guru bukan opsyen yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar pendidikan seni visual agak tercari-cari kaedah yang sesuai bagi mencipta kreativiti dalam pdpc. Berdasarkan kajian Mohan (dipetik dalam Chua, Sharifah, Naim & Wan Zah, 2003) guru-guru kurang diberikan kursus atau latihan yang menekankan kepada aspek kreativiti. Penekanan terhadap kreativiti seseorang guru haruslah diterapkan dalam kursus bagi memantapkan lagi kemahiran guru dalam mencipta kreativiti sama ada guru bukan opsyen mahupun guru opsyen Pendidikan seni visual. Dalam kajian Chua, Sharifah, Naim & Wan Zah (2003), program latihan guru harus mementingkan aspek kreativiti guru kerana kursus-kursus kreativiti adalah amat diperlukan dikalangan guru bukan opsyen mahupun guru opsyen. Jika guru diberikan latihan, ianya memudahkan guru bukan opsyen untuk mengajar dan memberikan penilaian kepada murid menerusi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Guru-guru perlu mengubahsuai strategi pengajaran mengikut keberkesanan penggunaan sesuatu BBM agar murid-murid lebih seronok dan lebih aktif terhadap mata pelajaran yang dipelajarinya (Faizah Ja'afar, 2017).

Bersandarkan permasalahan di atas, penyelidik menyedari tentang kepentingan untuk membangunkan kit BSV dalam membantu kumpulan sasaran guru-guru bukan opsyen dan murid-murid menguasai bahasa seni visual. Sebagai langkah awal, penyelidik bermula dengan mengesan faktor-faktor penyebab guru bukan opsyen sukar mengajar mata pelajaran PSV dengan cara temubual dan pemerhatian di bilik darjah. Bertitik tolak daripada isu dan permasalahan yang dihadapi, penyelidik telah merangka satu alternatif



yang diyakini mampu menyelesaikan masalah tersebut. Menurut K. Nagalingam (2019) peranan membentuk guru bukanlah suatu tugas yang mudah. Apatah lagi apabila berhadapan dengan guru-guru bukan opsyen yang harus dibimbing supaya PdPc pendidikan seni visual tidak terpesong daripada landasan. Kehadiran kit BSV dalam PdPc dapat membantu guru-guru dan murid-murid membina ayat yang baik ketika apresiasi seni. Kit BSV dapat digunakan secara kolaboratif dalam memupuk sikap saling membantu rakan-rakan yang lemah dalam penguasaan bahasa seni visual. Walaupun guru dianggap sebagai fasilitator dalam pengajaran dan pembelajaran namun tidak hairan jika terdapat sebilangan murid yang lebih menguasai bahasa seni visual mampu mengajar rakan seangkatan dengannya. Kit BSV mampu dijadikan sebagai BBB walaupun tanpa jaringan internet. Murid tidak perlu mengakses internet jika tiada liputan kerana kit tersebut berupa memberikan panduan dan maklumat yang lengkap dalam menguasai bahasa seni visual ketika seni apresiasi seni. Pada masa yang sama murid juga perlu bijak dalam mengatasi kekangan yang ada termasuk diri mereka sendiri.

1.4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membina dan mengaplikasi penggunaan kit BSV dalam meningkatkan pencapaian murid terhadap penguasaan Bahasa seni visual semasa sesi apresiasi seni di kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran. Penyelidik mensasarkan melalui penggunaan kit BSV dengan terancang dan sistematik, akan mampu mengubah tingkah laku murid daripada pasif kepada aktif.

Berikut adalah tujuan-tujuan kajian ini dijalankan:

- i. Mengenalpasti keperluan penggunaan bahan bantu belajar yang efektif bagi meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan Apresiasi Seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran.
- ii. Membangunkan Kit BSV sebagai bahan bantu belajar bagi meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan Apresiasi Seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran.
- iii. Mengenalpasti keberkesanan penggunaan Kit BSV sebagai bahan bantu belajar dalam meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan Apresiasi Seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran.

1.5. Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dibina berdasarkan objektif kajian yang diberi:

- i. Adakah penggunaan Bahan Bantu Belajar yang efektif dapat meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan Apresiasi Seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran?
- ii. Bagaimanakah Kit BSV dibangunkan sebagai bahan bantu belajar (BBB) bagi meningkatkan tahap penguasaan standard kandungan Apresiasi Seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran.
- iii. Bagaimanakah tahap keberkesanan penggunaan Kit BSV sebagai bahan bantu belajar (BBB) dalam meningkatkan tahap penguasaan standard

kandungan Apresiasi Seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran.

1.6. Kerangka Konseptual Kajian


Bahagian ini menjelaskan tentang kerangka konsep yang dibina untuk menyelidik Pembinaan Kit Bahasa Seni Visual Dalam Meningkatkan Penguasaan Standard Kandungan Apresiasi Seni Murid-Murid Tingkatan 2. Kit BSV ini dibangunkan berpandukan model reka bentuk instruksional ADDIE yang merangkumi analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Model ini dipilih sebagai panduan pembinaan kit BSV dengan mempertimbangkan impak-impak positif kepada murid-murid agar lebih berani dan yakin bertutur menggunakan bahasa seni visual dengan baik.

Kajian kes adalah tertumpu di SMK Maran yang merupakan sekolah luar bandar. Sekolah ini mengalami kekangan daripada segi peranti elektronik dan juga jaringan internet yang terhad. Penyelidik menjadikan tingkatan 2 sebagai kes yang perlu diselesaikan kerana mereka bukan kelas peperiksaan dan juga baru sahaja mempelajari bidang bahasa seni visual di tingkatan 1. Penyelidik melihat terdapat sebilangan besar murid masih lagi tidak dapat menguasai bahasa seni visual apabila sesi apresiasi seni. Berdasarkan situasi tersebut penyelidik telah menjalankan kajian kes kepada sebahagian murid tingkatan 2 yang berbeza aliran kelas dan juga potensi. Kajian kes dilaksanakan bagi memperoleh data-data kajian yang melibatkan guru-guru bukan opsyen pendidikan seni visual dan juga murid-murid tingkatan 2. Setiap kelompok murid yang dipilih mempunyai keupayaan masing-masing. Keupayaan murid yang dipilih adalah



berdasarkan prestasi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner dijadikan landasan. Dalam teori ini terdapat 9 jenis kecerdasan iaitu kecerdasan naturalis, kecerdasan eksistensial, kecerdasan linguistik, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan visual spatial, kecerdasan kinestetik, kecerdasan muzik, kecerdasan interpersonal, dan kecerdasan intrapersonal. Penyelidik mengkhususkan 2 jenis kecerdasan untuk kajian ini iaitu kecerdasan visual spatial dan kecerdasan linguistik. Kecerdasan visual spatial melibatkan keupayaan murid mentafsir karya secara visual manakala kecerdasan linguistik melibatkan kemahiran murid bertutur secara spontan. Persampelan bertujuan digunakan untuk menilai tahap keberkesanan sampel yang dipilih dapat memberikan keputusan yang baik apabila menggunakan kit BSV. Penyelidik telah memilih 5 sampel mewakili setiap 4 buah kelas. Setiap sampel yang dipilih memiliki keupayaan dan potensi yang tersendiri. Sampel ini akan dilihat menerusi pemerhatian, temu bual, dokumen dan rakaman visual.





Rajah 1.6 : Kerangka Konseptual Kajian

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini dirancang dan mensasarkan sumbangan Kit BSV terhadap penguasaan laras Bahasa seni dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 SMK Maran. Rasionalnya tingkatan 2 dipilih kerana semasa di tingkatan 1 murid-murid telah didedahkan bidang bahasa seni visual yang menerapkan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan. Apabila murid ini berada di tingkatan 2, mereka akan mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam bidang seni halus, reka bentuk, seni kraf dan komunikasi visual ketika sesi apresiasi seni. Signifikasi sumbangan yang disasarkan adalah dalam konteks perubahan tingkah laku murid agar lebih aktif, yakin dan berani dalam membuat ulasan berkaitan aplikasi aspek-aspek formalistik dalam seni. Sasaran ini dirancang pencapaiannya melalui keupayaan murid menguasai istilah-istilah seni, seterusnya mempraktiskan penuturan bahasa seni visual terutamanya ketika sesi apresiasi seni. Kajian ini dilakukan setiap kali PdPc dijalankan di bilik darjah membabitkan apresiasi seni dengan menggunakan kit BSV sebagai bahan bantu belajar (BBB).

1.8. Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada pembinaan kit BSV yang bertujuan membantu murid-murid bertutur menggunakan Bahasa seni visual semasa apresiasi seni dengan baik. Penyelidik ingin melihat kejayaan kit BSV mampu memberi manfaat kepada murid-murid untuk yakin tampil berhujah dalam memberikan pendapat dengan adanya istilah penggunaan bahasa seni visual. Kajian ini membataskan hanya 20 orang sampel dalam sekolah yang sama

tetapi kelas yang berbeza diperlukan untuk melihat keberkesanan dan hasil yang positif daripada penggunaan kit BSV kepada murid-murid. Responden juga hanya melibatkan 2 orang guru bukan opsyen memandangkan mereka adalah guru yang terlibat secara langsung dalam mengajar pendidikan seni visual tingkatan 2 SMK Maran. Manakala mantan pengetua SMK Maran dipilih sebagai guru pakar dalam memberikan pandangan dan ulasan berkaitan dengan penciptaan inovasi sebagai bahan bantu belajar.

1.9. Definisi Operasional

1.9.1. Bahasa Seni Visual

Kamus Dewan edisi keempat mendefinisikan Bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia antara individu dengan individu yang lain. Bahasa adalah sistem yang terdiri daripada pembangunan, pengambilalihan, penyelenggaraan dan penggunaan sistem komunikasi yang kompleks, terutamanya keupayaan manusia untuk melakukannya.

Seni merupakan luahan kreativiti manusia dan dianggap sebagai keunggulan daya cipta manusia. Kamus Dewan edisi keempat mentakrifkan seni adalah karya (sajak, lukisan, muzik, dll) yang dicipta dengan bakat hasil daripada sesuatu ciptaan. Seni adalah hasil karya manusia atau hasil ungkapan jiwa manusia, tetapi tidak semua hasil ciptaan

manusia dianggap sebagai seni kerana memang tidak semua hasil karya manusia dimaksudkan sebagai karya seni (Moh. Rondhi, 2017).

Seni visual ialah satu bentuk seni yang menumpukan kepada hasil penciptaan berbentuk visual seperti lukisan, fotografi, grafik dan filem. Dalam konteks ini, seni visual ialah sesuatu hasil yang boleh dinikmati melalui deria penglihatan.

Menurut Mohd Johari (2013), menghayati sesebuah karya seni secara ilmiah atau sebaliknya melibatkan penggunaan bahasa yang mana terbahagi kepada dua iaitu bahasa lisan dan bahasa penulisan. Bahasa seni visual dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran murid-murid dalam menuturkan gaya pengucapan laras-laras seni secara tampak. Kemahiran ini memerlukan murid mentafsir karya yang dilihat dengan menggunakan bahasa seni yang merangkumi unsur-unsur seni dan prinsip rekaan. Hal ini selari dengan kehendak DSKP yang mana Bahasa Seni Visual terangkum dalam Standard Kandungan 4 Apresiasi Seni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

1.9.2. Apresiasi Seni

Apresiasi seni merupakan satu pengucapan yang diluahkan melalui bahasa oleh pengkritik seni dalam melihat dan menghayati hasil karya seni (Mohd Johari Ab. Hamid, 2013). Zakaria Ali (1989), mentakrifkan apresiasi seni suatu aktiviti yang melibatkan deria penglihatan dan deria sentuh dalam menghargai sesuatu karya. Apresiasi seni menurut Moh. Randhi (2017) adalah proses penilaian atau penghargaan terhadap sesebuah karya

seni yang dilakukan oleh penonton atau penikmat karya seni. Apresiasi seni dalam konteks kajian ini melibatkan murid-murid menghargai hasil karya dan produk yang dilakukan secara berkumpulan serta diberikan pengiktirafan dan penghargaan ke atas hasil seni yang telah dihasilkan. Menurut Mohd Shamsul Nazri (2010), apresiasi seni yang dilaksanakan perlulah diambil perhatian dalam pemerhatian guru berdasarkan perkara-perkara berikut;

- i. Aspek bahasa yang berkaitan dengan istilah seni seperti sifat garisan, jalinan, warna, ton, rupa, bentuk dan ruang.
- ii. Aspek bahasa yang berkaitan dengan kandungan dan hal benda.
- iii. Aspek bahasa yang berkaitan dengan manipulasi, alat bahan dan teknik.
- iv. Penghargaan hasil kerja dan menghormati pembuat karya.
- v. Perasaan, penghargaan dan refleksi diri.
- vi. Penyerapan pengetahuan dan penerapan nilai yang berkaitan dengan kandungan.

Apresiasi seni dapat mendidik murid-murid untuk lebih menghargai sesuatu hasilan. Penekanan terhadap aspek bahasa seni diterapkan dalam sesi apresiasi seni. Menurut Moh. Randhi (2017), apresiasi seni bersangkutan dengan nilai estetika atau falsafah seni yang mana banyak membahaskan tentang keindahan seni dan juga keindahan alam.

1.9.3. Kit Bahasa Seni Visual (BSV)



Kit BSV adalah suatu ciptaan baru bagi membantu murid-murid dalam mengatasi masalah mengingat laras-laras Bahasa seni serta membina keyakinan diri ketika berinteraksi dikhalayak. Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, (2005) kebolehan mengeluarkan idea serta disusuli dengan kepetahan berhujah adalah merupakan dua perkara yang sama dalam berfikir. Kit BSV dibangunkan adalah untuk menarik minat murid-murid dalam pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah.

1.9.4. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu langkah yang diambil oleh guru dalam membentuk satu proses pendidikan di bilik darjah. Strategi PdP mengambil kira tentang kepelbagaian pendekatan, kaedah dan teknik. Kepelbagaian PdP ini membolehkan guru menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai yang dihasratkan dalam kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Dalam konteks kajian ini, guru mengajar dengan menggunakan kaedah yang seiring dengan pengajaran abad ke-21. Guru sebagai pemudahcara perlu bijak menyampaikan pengajaran secara ringkas, tepat dan mudah difahami. Selebihnya adalah berpusatkan kepada murid dalam mencari dan meneroka sesuatu ilmu atau topik yang dipelajari.

1.9.5. Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)





Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) merupakan proses pendidikan yang memerlukan guru bertindak sebagai pemudahcara dalam membentuk pembelajaran yang berpusatkan kepada murid. Menurut Mashira, Rusyati, Nor Sazila, Rohana & Khairul Anuar (2019), pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dianggap penting sebagai proses melengkapkan keperluan murid dalam mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan murid dalam pelbagai bentuk. Bersesuaian dengan konteks kajian ini, murid adalah watak utama dan guru bertindak sebagai watak sampingan dalam memastikan sesuatu aktiviti dapat dijalankan dengan jayanya. Guru bertanggungjawab sebagai pembimbing dan pakar rujuk dalam mendapatkan kesahihan sesuatu maklumat yang murid belum pasti. Dalam SKPMg2 Standard 4, Pembelajaran dan Pemudahcaraan, aspek yang dilihat adalah guru sebagai perancang, guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong, guru sebagai penilai dan murid sebagai pembelajar aktif (Md Said Md Daimon, 2019). Kesemua aspek ini sangat penting dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

1.9.6. Bahan Bantu Belajar (BBB)

Bahan bantu belajar adalah melibatkan sesuatu bahan maujud yang dapat disesuaikan mengikut fungsi dan keperluan berdasarkan kurikulum pendidikan semasa. Bahan bantu belajar dibina berdasarkan keperluan sesuatu aktiviti yang dijalankan. Menurut Lili Sunaini (2006), penggunaan bahan pembelajaran oleh murid di dalam bilik darjah kini tidak terhad pada penggunaan buku teks semata-mata untuk menimbulkan suasana pembelajaran



yang berkesan dan menyeronokkan. Bahan Bantu Belajar (BBB) melibatkan semua alat, media atau sumber bercetak untuk untuk pembelajaran murid seperti majalah akademik, majalah bukan akademik (umum) dan kamus (Lili Sunaini, 2006). Dalam konteks kajian ini, penyelidik merancang membina kit BSV daripada bahan berlaminata untuk dijadikan bahan bantu belajar (BBB) bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.9.7. Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah transformasi kurikulum yang digubal bagi melahirkan murid yang berupaya mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta secara kreatif dan inovatif seiring dengan kemahiran abad ke-21 (Mohd Zahuri Khairani & Mohamad Sayuti Seman, 2019). PAK21 telah memberi impak yang besar kepada perubahan pendidikan pada masa ini. Transformasi Pendidikan ternyata memberikan kesan positif kepada guru, murid dan masyarakat. Dalam menjalankan aktiviti PAK21, murid akan lebih matang dalam berkongsi idea dan menangani sesuatu perkara secara permuafakatan dalam kumpulan kecil. Guru pula bertindak sebagai fasilitator, penasihat, pendorong, perancang, pengawal dan pakar rujuk dalam memastikan semua murid memainkan peranan dalam kumpulan kecil. Setiap murid berperanan menjadi pembelajar aktif dalam memastikan PAK21 berjaya dilaksanakan serta dapat memberi kesan positif kepada perubahan murid.

Sasaran penerapan PAK21 akan melahirkan generasi yang dapat memimpin dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini, penyelidik akan menyediakan kit BSV yang

dapat membantu murid untuk menangani permasalahan mereka dalam menguasai bahasa seni visual. Secara tidak langsung, kit ini memberi kesan kepada murid untuk lebih berani, berkeyakinan tinggi dan berketrampilan bagaikan seorang pengkritik seni. Apabila mereka keluar daripada alam persekolahan, penerapan kemahiran PAK21 dapat membantu murid mengharungi cabaran kehidupan era globalisasi dengan lebih berkeyakinan dalam bidang kerjaya (Che Aleha, Intan Marfarrina, Hairol Nezam, Kamaruddin & Nurul 'Ain, 2018).

1.10. Rumusan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, objektif, persoalan, kepentingan kajian dan batasan kajian ini dijalankan. Kerangka konseptual dalam format rajah turut diterangkan. Permasalahan menguasai laras bahasa seni visual dalam apresiasi seni di bilik darjah dikenal pasti. Hal ini merujuk kepada beberapa faktor antaranya murid, guru dan persekitaran. Sikap murid yang pasif menyebabkan mereka sukar untuk keluar daripada kepompong dan keselesaan sikap mereka. Kedua adalah kekurangan guru bukan opsyen menyebabkan pendidikan seni visual hilang arah tuju kerana teknik dan kaedah pengajaran guru tersebut yang terpesong dan sambil lewa dan faktor terakhir adalah persekitaran sekeliling sama ada dirumah mahupun disekolah jika kesukaran mendapatkan liputan internet juga menyukarkan mereka untuk mempelajari dan menguasai sesuatu perkara. Kelemahan yang dikesan ini menginspirasi penyelidik untuk menjalankan kajian yang mendalam dalam membangunkan kit BSV.